

GARIS PANDUAN PENUBUHAN SYARIKAT TERBITAN (*Spin-Off*)

1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan tatacara berkaitan dengan penubuhan syarikat terbitan (*Spin-Off*) di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

2. SYARIKAT TERBITAN (*Spin-Off*)

Penyelidik UNIMAS boleh menubuhkan syarikat terbitan untuk tujuan pengkomersialan inovasi/ harta intelek UNIMAS di mana penyelidik, UNIMAS dan/atau pihak lain adalah pemegang saham syarikat terbitan tersebut.

2.1 Syarat Umum Penubuhan

- 2.1.1 Ditubuhkan berdasarkan harta intelek, teknologi atau produk yang dihasilkan oleh penyelidik UNIMAS;
- 2.1.2 Sekurang-kurangnya seorang daripada pengasas syarikat adalah staf UNIMAS dan terlibat dalam penghasilan harta intelek, teknologi atau produk yang ingin dikomersialkan; dan
- 2.1.3 Perlu mengemukakan pelan perancangan perniagaan yang efektif dan konsisten untuk jangka masa panjang.

2.2 Jenis-jenis dan syarat-syarat khusus syarikat terbitan

2.2.1 Jenis A (Type A) - UNIMAS **memegang ekuiti:**


- a) UNIMAS perlu melaburkan sejumlah modal mengikut kadar ekuiti yang ingin dipegang;
- b) Sekurang-kurangnya seorang wakil UNIMAS dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah syarikat terbitan;
- c) pendapatan adalah melalui dividen daripada keuntungan syarikat;
- d) Penjanaan pendapatan adalah melalui fi pelesenan dan royalti daripada pengeksplotan harta intelek dan hasil jualan teknologi atau produk;
- e) UNIMAS boleh menawarkan pihak luar sebagai pemegang ekuiti syarikat; dan
- f) Penyelidik hendaklah dilantik sebagai salah seorang pemegang ekuiti syarikat.

2.2.2 Jenis B (Type B) -UNIMAS **tidak memegang ekuiti:**

- a) UNIMAS tidak perlu melaburkan sebarang modal;
- b) Penjanaan pendapatan adalah melalui fi pelesenan dan royalti daripada pengeksplotan harta intelek dan hasil jualan teknologi atau produk;
- c) UNIMAS boleh menawarkan pihak luar sebagai pemegang ekuiti syarikat terbitan;
- d) Penyelidik sebagai salah seorang pemegang ekuiti syarikat terbitan terbitan; dan

- e) Syarikat terbitan perlu melaporkan aktiviti dan status kewangan kepada UNIMAS secara berkala.

Jenis-jenis syarikat terbitan diringkaskan dalam **Gambarajah 1**.



Gambarajah 1: Ringkasan jenis-jenis syarikat terbitan

Kedua-dua jenis syarikat terbitan akan mengagihkan pendapatan melalui yuran perlesenan dan royalti.

Jadual 1: Pendapatan yuran perlesenan dan royalti*

<i>Details</i>	<i>Income</i>
<i>Licensing Fee</i>	<i>Min RM10,000.00 to RM100,000.00 per year</i>
<i>Royalties</i>	<i>1% of annual gross sales after 3 years</i>


3. Pembubaran atau pemansuhan status syarikat terbitan*

3.1 Status sebagai syarikat terbitan boleh dibubarkan atau dimansuhkan atas mana-mana satu atau gabungan dua atau lebih sebab-sebab berikut:


- Perjanjian pelesenan telah tamat dan tiada tindakan untuk melanjutkan atau memperbaharui perjanjian pelesenan tersebut;
- Pelanggaran terma dan syarat perjanjian pelesenan oleh syarikat terbitan (*Spin-Off*) berkenaan;
- Kegagalan mengkomersialkan harta intelek di bawah perjanjian pelesenan yang mengakibatkan kerugian selama tiga (3) tahun berturut-turut kepada syarikat terbitan (*Spin-Off*) berkenaan;
- Penyalahgunaan status sebagai syarikat terbitan yang menjejaskan atau boleh menjejaskan nama baik serta reputasi UNIMAS;

- e) Pelanggaran atau ketidakpatuhan undang-undang dan/atau peraturan UNIMAS termasuk peraturan di bawah Polisi Syarikat Terbitan (*Spin-Off*) dan Garis Panduan oleh Syarikat Terbitan berkenaan dan/atau Staf Akademik berkenaan, seperti menjalankan aktiviti yang tidak selari dengan tujuan penubuhan Syarikat Terbitan;
- f) Keterlibatan Staf Akademik berkenaan dalam Syarikat Terbitan (*Spin-Off*) menjejaskan prestasi kerja hakiki Staf Akademik berkenaan dengan pengesahan oleh Ketua PTj;
- g) Staf Akademik berkenaan bukan lagi seorang staf akademik UNIMAS;
- h) Staf Akademik berkenaan bukan lagi warganegara Malaysia;
- i) Staf Akademik berkenaan dikenakan tindakan tatatertib oleh UNIMAS;
- j) Staf Akademik berkenaan hilang pegangan Ekuiti dalam syarikat terbitan (*Spin-Off*) berkenaan atau pegangan Ekuiti Staf Akademik berkenaan berkurang kepada tidak melebihi dua puluh peratus (20%),
- k) Syarikat Terbitan (*Spin-Off*) berkenaan telah digulungkan secara sukarela, atau dibubarkan.

Lampiran 1: Ringkasan Carta Alir Proses Permohonan Syarikat Terbitan Jenis A (UNIMAS memegang ekuiti)



**Lampiran 2: Ringkasan Carta Alir Proses Permohonan Syarikat Terbitan Jenis B
(UNIMAS tanpa ekuiti)**



*Berdasarkan pindaan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil.4/2024 ke-89 pada 24 Jun 2024.